

Razaleigh tegur golongan muda 'main silap mata'

KOTA BHARU, Jumaat — Tengku Razaleigh Hamzah menegur sikap setengah golongan pemuda muda dalam UMNO yang tidak sabar untuk mendapatkan kedudukan dalam parti dan ada setengahnya "bermain silap mata" menggunakan kebebasan bersuara dalam parti sehingga melampaui batas.

Katanya, pemimpin lama dalam UMNO memang bersedia menyerahkan jawatan parti kepada golongan muda setelah mereka membuktikan kemampuan memimpin untuk faedah rakyat yang bergantung kepada UMNO.

"Ini memang diamal oleh UMNO sejak dari dulu bagi menyediakan pemimpin pelatih untuk memimpin UMNO di masa depan supaya ia terus kuat dan bersatu demi membela nasib orang Melayu di negeri ini," katanya.

Tengku Razaleigh selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan berucap merasmikan kursus penutup kepimpinan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Tumpat di Sekolah Kebangsaan Berangan, Tumpat, petang semalam.

Tengku Razaleigh menambah, golongan muda dalam UMNO mestilah bersabar dan berusaha dari sekarang sebagai persediaan

mereka mengambil alih pimpinan lama di masa depan kerana tenaga mereka memang diperlukan oleh parti.

Beliau juga menegur golongan dalam UMNO yang menggunakan wang ringgit untuk membeli undi dan penyokong bagi mendapatkan jawatan dalam pemilihan pemimpin di peringkat bahagian.

Katanya lagi, apa yang dikesalkan terdapatnya golongan

yang sanggup menggunakan tekanan untuk mendapatkan sokongan tanpa memperhitungkan buruk baiknya terhadap parti.

Bagi meredakan keadaan yang berlaku dalam parti di peringkat bahagian sekarang, Tengku Razaleigh menasihatkan supaya mesyuarat agung cawangan dan bahagian di Kelantan ditangguhkan hingga satu masa yang sesuai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia